

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 07.11.2016

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian membuat pemantauan terhadap fesyen potongan rambut pelajar lelaki dan guru lelaki yang semakin ketara yang mana tiadanya nilai-nilai ketimuran (fesyen rambut ala Tamahok, Skin Head dan lain-lain seperti mewarna rambut pelbagai warna) ; dan
- (b) apakah garis panduan potongan rambut pelajar lelaki dipatuhi dan dilaksanakan oleh pengurusan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan tanggungjawab kepada pihak sekolah untuk menjelaskan kepada murid dan ibu bapa berkenaan disiplin dan peraturan-peraturan sekolah yang harus dipatuhi termasuklah berkaitan potongan rambut murid. KPM telah mengeluarkan arahan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.2/1976:

Potongan Rambut Murid-Murid bertarikh 7 Januari 1976 kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah. Manakala peraturan rambut guru tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 P.U. (A)385/1993. Pihak pentadbir sekolah telah diminta supaya memantau dan memastikan pemotongan rambut guru dan murid lelaki adalah selaras dengan peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

RJM36